**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 1**
**RUANGAN : MUKA HADAPAN**

# 41,393 kanak-kanak divaksin tidak alami kesan sampingan

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sejumlah 41,393 kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun sudah mendapatkan dos pertama vaksin COVID-19 sejak Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) dilaksanakan pada 3 Februari lalu hingga kelmarin.

Setakat ini, tiada sebarang kesan sampingan susulan imunisasi (AEFI) dilaporkan dalam kalangan kanak-kanak yang sudah divaksinasi.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam (Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga) Kementerian Kesihatan (KKM), Dr Saidatul Norbaya Buang, berkata daripada jumlah itu, lebih 82 peratus atau 33,990 kanak-kanak adalah dari Lembah Klang.

Katanya, seramai 25,367 kanak-kanak mendapatkan suntikan itu di Selangor, disusuli 8,623 di Kuala Lumpur, 4,392 di Sarawak dan 2,394 di Sabah.

"Ketika ini, pemberian vaksin PICKids diutamakan kepada kumpulan komorbiditi, iaitu kanak-kanak yang memiliki penyakit kronik dan sistem pertahanan badan yang rendah, dengan suntikan diberikan di hospital.

> "Menerusi PICKids, KKM berharap 80 peratus daripada keseluruhan populasi negara akan lengkap divaksinasi dalam tempoh seawal empat hingga enam bulan akan datang"

*Dr Saidatul Norbaya Buang, Pakar Perubatan Kesihatan Awam (Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga) KKM*



Nasional 5

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 5**
**RUANGAN : NASIONAL**

# Kes baharu terus naik kepada 13,944

**Putrajaya:** Kes positif harian COVID-19 terus meningkat dengan 13,944 jangkitan baharu dilaporkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan itu menyumbang kepada 2,939,198 kes positif 19 di Malaysia, setakat ini.

Dalam perkembangan berkaitan, katanya, kadar kebolehjangkitan atau R-naught (Rt) terus melonjak pada kadar 1.32 kelmarin, berbanding 1.27 Ahad lalu, susulan kesan peningkatan mendadak kes baharu.

Beliau berkata, semua negeri melepasi kadar Rt 1.0 dengan Perlis dan Sabah merekodkan kadar tertinggi iaitu 1.54.

Ini diikuti Sarawak dengan 1.48, Terengganu mencatatkan 1.36, Kedah (1.32), Pulau Pinang (1.25), Putrajaya (1.29) dan Johor serta Pahang (1.24).

Sementara itu, Rt di tiga negeri iaitu Selangor, Melaka dan Perak berada pada kadar 1.23, disusuli Negeri Sembilan yang merekodkan 1.12 dan kadar terendah direkodkan di Kuala Lumpur, iaitu 1.09.

Kes harian COVID-19 sepanjang bulan ini terus mencatatkan peningkatan dengan kes dilaporkan kelmarin 11,034, berbanding kes pada Ahad lalu adalah 10,089 dan Sabtu (9,117).

Nilai Rt merujuk kepada tahap kebolehjangkitan sesuatu virus iaitu jumlah ramai individu boleh dijangkiti oleh satu kes positif.

Semakin rendah nilai itu, semakin kurang kemungkinan jangkitan bagi setiap kes positif.

# Hanya vaksin Pfizer lulus untuk kanak-kanak

*Dari Muka 1*

"Berdasarkan kemampuan kapasiti pemberian vaksin, kita jangkakan sejumlah 36 juta kanak-kanak akan menerima dos pertama vaksin COVID-19 menjelang akhir bulan depan, dan separuh daripada jumlah itu pula akan divaksinasi menjelang akhir bulan ini.

"Menerusi pelaksanaan PICKids, KKM berharap 80 peratus daripada keseluruhan populasi negara akan lengkap divaksinasi dalam tempoh seawal empat hingga enam bulan akan datang," katanya pada sesi Libat Urus Bersama Media - Penilaian dan Pemantauan Keselamatan Produk Vaksin COVID-19 secara dalam talian, semalam.

Mengulas kenapa kanak-kanak perlu divaksin, Dr Saidatul Norbaya memaklumkan golongan itu berisiko mendapat jangkitan COVID-19 yang serius dikenali sebagai sindrom keradangan pelbagai sistem dalam kanak-kanak (MISC).

Katanya, MISC berlaku apabila radang berlaku pada pelbagai organ kanak-kanak yang dijangkiti COVID-19 seperti jantung, buah pinggang, kulit dan sebagainya, menyebabkan mereka memerlukan rawatan yang panjang di Unit Rawatan Rapi (ICU).

"Sekiranya sembuh, kanak-kanak ini perlukan rawatan susulan berpanjangan, dan ada juga yang meninggal dunia akibat MISC. Sebab itu, kita perlu lindungi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun dengan vaksin," katanya.

Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Dr Roshayati Mohamad Sani, pula mengesahkan belum ada sebarang kes AEFI dilaporkan dalam kalangan penerima vaksin COVID-19 berusia lima hingga 11 tahun sejak ia dimulakan di negara ini 3 Februari lalu.

Selain itu, katanya, data pihak berkuasa Amerika Syarikat (AS) dan Pfizer menunjukkan tahap kesan sampingan vaksin COVID-19 dialami kanak-kanak adalah lebih rendah berbanding yang dialami golongan remaja dan orang dewasa.

"Data Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) AS menunjukkan kesan seperti sakit kepala kurang kerap dan jarang berlaku, dan tahap keterukan adalah lebih rendah berbanding 12 tahun ke atas, dan ia selari dengan data daripada Pfizer.

"Kes AEFI ini bukan hanya pada vaksin COVID-19 saja, tapi juga pada vaksin lain yang diberi pada kanak-kanak seperti BCG, pneumokokal dan sebagainya," katanya.

Dr Roshayati juga memaklumkan, hanya vaksin keluaran Pfizer diberi kelulusan untuk kanak-kanak setakat ini, manakala penggunaan vaksin Sinovac sedang dipertimbangkan kelulusannya.

"NPRA baru menerima permohonan dosier daripada Sinovac minggu lalu untuk kelulusan penggunaan vaksin syarikat itu kepada kanak-kanak dan ia masih dalam penilaian," katanya.

Sementara itu, seramai 63 kanak-kanak berusia bawah 12 tahun di negara ini dilaporkan meninggal dunia akibat dijangkiti COVID-19 dalam tempoh enam bulan terakhir tahun lalu.

Pakar Perunding Pediatrik Hospital Tunku Azizah, Dr Sabeera Begum berkata kanak-kanak dilihat terdedah dengan komplikasi serius akibat dijangkiti virus itu, khususnya sindrom MISC.

Katanya, kajian di 14 hospital kerajaan di seluruh negara dalam tempoh tiga bulan antara November 2021 hingga bulan lalu mendapati 174 kes MISC dilaporkan dalam kalangan kanak-kanak.

"Dalam tempoh enam bulan iaitu antara Julai hingga Disember tahun lalu, seramai 270,000 kanak-kanak bawah 12 tahun dijangkiti COVID-19 dan 63 daripadanya meninggal dunia.

"Jumlah ini agak tinggi. Kajian di 14 hospital KKM mendapati 174 kanak-kanak dimasukkan ICU akibat MISC selepas dijangkiti COVID-19, dan tujuh daripadanya meninggal dunia," katanya.

"MISC berlaku apabila radang yang teruk berlaku pada seluruh tubuh kanak-kanak selepas dijangkiti COVID-19 dan mereka perlu dimasukkan ke ICU.

"Ada kanak-kanak ini dijangkiti COVID-19 kategori satu dan dua, namun MISC berlaku akibat virus ini dan akhirnya membawa kepada kematian," katanya.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NASIONAL**

# PKRC 2.0 MAEPS tutup operasi

**Serdang:** Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Bersepadu (PKRC) 2.0 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) secara rasminya melabuhkan tirainya semalam, selepas beroperasi selama 427 hari, sejak 9 Disember 2020.

Penutupan PKRC 2.0 itu bagi membolehkan pihak pengurusan COVID-19 melakukan strategi semula, khususnya dalam mengatasi gelombang baharu susulan penularan varian Omicron.

Seramai 13 individu masing-masing sembilan kes Kategori 2 dan empat lagi Kategori 3 menjadi kumpulan terakhir pesakit COVID-19 yang dibenarkan pulang selepas dirawat di PKRC 2.0 MAEPS, pada 30 Januari lalu.

Tinjauan *BH* di PKRC 2.0 MAEPS mendapati, kerja pembersihan dan penyusunan aset perubatan sedang dilakukan petugas dan kontraktor, sebelum ia diagihkan ke fasiliti kesihatan ditetapkan.

Beberapa struktur sementara yang dibangunkan di kemudahan bagi merawat keseluruhan 166,072 pesakit COVID-19 itu dilihat belum dirobohkan, membabitkan binaan di Dewan A dan B.

Berucap pada Majlis Apresiasi Petugas PKRC 2.0 MAEPS, Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara Malaysia (NADMA), Datuk Dr Aminuddin Hassim, berkata PKRC 2.0 MAEPS adalah pencapaian amat luar biasa dalam usaha negara membendung penularan COVID-19.

Beliau berkata, biarpun fasiliti berkenaan disiapkan dalam tempoh tiga hari, PKRC 2.0 MAEPS muncul sebagai pusat sehenti terbesar yang menawarkan pelbagai kemudahan.

Selain itu, katanya, kerjasama petugas pelbagai agensi dalam memastikan kelangsungan operasi PKRC 2.0 MAEPS membantu mengurangkan beban di hospital serta usaha mengurangkan jumlah pesakit COVID-19.

"Selain berfungsi sebagai PKRC, lokasi ini juga pernah menjadi pusat pemberian vaksin (PPV) kepada petugas barisan hadapan. Saya ingin ucapkan syabas, tahniah dan jutaan terima kasih kepada semua yang pernah berkhidmat di PKRC 2.0 MAEPS.

"Anda (petugas) adalah individu yang berjasa dan bersejarah dalam mengendalikan PKRC 2.0 MAEPS. Anda semua adalah wira di hati saya dan semua rakyat Malaysia, terutama pesakit yang dirawat di fasiliti ini.

"Sumbangan dan dedikasi semua petugas pasti akan dikenang. PKRC 2.0 MAEPS menjadi saksi semua petugas bersedia dikerah untuk mencurahkan bakti kepada negara pada bila-bila masa," katanya.

Sementara itu, Pengarah PKRC MAEPS 2.0, Dr Shahabuddin Ibrahim, mengakui sedih dan sukar untuk menerima kenyataan PKRC 2.0 MAEPS sudah menemui titik noktahnya.

Mengimbau operasi di fasiliti berkenaan, beliau menyifatkan PKRC 2.0 MAEPS sebagai satu-satunya operasi pengendalian bencana terbesar negara yang dijalankan secara bersepadu bersama 19 agensi lain.

"Banyak pengalaman dilalui bersama semua petugas di sini, tetapi paling getir adalah ketika lonjakan kes COVID-19 antara Jun hingga Ogos lalu, sehingga kita terpaksa menukar fungsi dewan daripada Kategori 1 dan 2 kepada menampung lebih ramai pesakit Kategori 3, 4 dan 5.

"Sepanjang proses terbabit, banyak perkara sudah dilakukan selepas disepakati semua pihak. Berkat kerjasama, kesabaran dan keazaman semua pihak, kita dapat melaluinya dengan jaya. Misi utama bagi menstabilkan sistem kesihatan di Lembah Klang, Alhamdulillah berjaya.

"Saya berterima kasih kepada semua petugas barisan hadapan dan amat berbangga dapat bersama sahabat (petugas PKRC 2.0 MAEPS) dalam menangani pandemik COVID-19, selain ahli keluarga semua petugas yang berkorban dan mendoakan kami sepanjang berkhidmat di sini," katanya.



*Tinjauan mendapati Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Bersepadu (PKRC) 2.0 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) ditutup.*
(Foto Muhammad Yusri Muzamir/BH)

# Jemaah perlu kemuka ujian RT-PCR

**Riyadh:** Jemaah umrah asing perlu mengemukakan ujian *Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR) atau ujian antigen dengan keputusan negatif dalam tempoh 48 jam sebelum pelepasan tanpa mengira status imunisasi.

Prosedur yang dikemas kini Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi itu akan berkuat kuasa mulai jam 1 pagi hari ini.

Ia antara prosedur baharu bagi kemasukan pengembara ke Arab Saudi untuk mengerjakan umrah dan ziarah.

Arab Saudi mengumumkan sekatan perjalanan baharu bermula hari ini.

Kementerian itu berkata, sekatan baharu itu diperkenalkan selaras situasi epidemiologi tempatan dan global serta sebagai sebahagian daripada langkah diambil kerajaan untuk mengekang penularan COVID-19 dan menjaga kesihatan awam.

Sebelum ini, Arab Saudi menetapkan syarat pengembara perlu mengemukakan ujian RT-PCR dengan keputusan negatif dalam tempoh 72 jam sebelum tiba ke negara itu. AGENSI

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 16**
**RUANGAN : NASIONAL**

# KKM jamin kebajikan pekerja swasta dibela



*Khairy menerima memorandum daripada Roziah di Kementerian Kesihatan, Putrajaya, semalam.* (Foto BERNAMA)

## Kakitangan khidmat sokongan hospital kerajaan adalah petugas barisan hadapan

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan akan memastikan kebajikan pekerja swasta perkhidmatan sokongan di hospital kerajaan terbela kerana mereka juga adalah petugas barisan hadapan dalam memerangi pandemik COVID-19 di negara ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata meskipun pekerja swasta itu di bawah tanggungjawab syarikat konsesi masing-masing, kebajikan mereka tetap tanggungjawab Kementerian Kesihatan (KKM).

"Saya beri komitmen dan akan usahakan kebajikan mereka (pekerja sokongan) ini kerana mereka juga *frontliner* (petugas barisan hadapan) yang membantu negara.

"Pekerja sokongan ini banyak bantu (KKM) mengurus pandemik COVID-19, jangan pandang rendah perjuangan mereka," katanya selepas menerima memorandum daripada Kesatuan Pekerja-Pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan di Hospital-Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia di sini, semalam.

Memorandum itu diserahkan oleh Pengerusinya, Roziah Mohd Hashim, yang antara lain menuntut elaun COVID-19 diberikan kepada semua pekerja sokongan di hospital kerajaan dan menghapuskan sistem kontrak.

Khairy berkata, tuntutan dalam memorandum itu akan diteliti secara komprehensif dan beliau akan mengadakan pertemuan dengan syarikat konsesi bagi memahami dengan lebih mendalam isu yang dibangkitkan oleh kesatuan.

Sementara itu, Roziah melahirkan rasa syukur kerana Khairy menyatakan komitmennya untuk meneliti segala tuntutan yang dibuat oleh kesatuan berkenaan.

"Saya berterima kasih kepada menteri kerana sudi luangkan masa mendengar isu berkaitan pekerja perkhidmatan sokongan di hospital kerajaan," katanya.

# 2 peratus daripada 14,500 warga bomba masih enggan divaksin

**Melaka:** Kira-kira dua peratus daripada keseluruhan 14,500 warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di seluruh negara direkodkan masih enggan mengambil vaksin COVID-19.

Ketua Pengarah JBPM, Datuk Seri Mohammad Hamdan Wahid, berkata angka itu membabitkan kurang 50 orang berbanding 95 peratus anggota yang sudah melengkapkan vaksinasi.

Beliau berkata, antara alasan diberi anggota terbabit adalah berkaitan soal agama dan bimbang kesan pengambilan vaksin terhadap diri, selain ada yang dipercayai terpengaruh dengan gerakan antivaksin.

Katanya, antara langkah dilakukan pihaknya adalah memberi kaunseling dan penerangan kepada anggota terbabit berhubung kesukaran bakal dihadapi jika tidak mengambil vaksin.

"Kita pergi dari negeri ke negeri yang mana pengarah JBPM akan beri kaunseling, penerangan dan kepayahan yang bakal dihadapi anggota bomba jika tidak mengambil vaksin.

"Itu sebabnya di balai ini mereka bekerja sebagai satu pasukan, masuk dalam jentera enam orang, tidak boleh asingkan diri.

"Dalam balai pun ada kod MySejahtera. Jika MySejahtera anggota itu warnanya lain daripada yang ditetapkan, mungkin dia tidak boleh masuk ke balai. Ini contoh kesukaran yang akan anggota hadapi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Ibu Pejabat JBPM Melaka di Bukit Katil, dekat sini, semalam.

Majlis disempurnakan Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Dr Mohd Ali Rustam. Hadir sama, Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md Ali dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

Mohammad Hamdan berkata, sesi kaunseling dijalankan pihaknya memberi kesan positif apabila ada anggota mengubah fikiran dan bersetuju divaksin.

"Kita nasihatkan supaya pertimbang semula dan dia sanggup ambil vaksin, namun saya tidak nafikan ada yang masih dalam proses kaunseling," katanya.

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : COVID-19**

# *Laksana program vaksinasi di sekolah*

**Kuala Lumpur:** Pasukan Petugas Khas Imunisasi Covid-19 Kanak-Kanak (CITF-C) bakal melaksanakan Program Imunisasi Covid-19 Kanak-kanak (PICKids) di sekolah.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin melalui hantaran di Twitter semalam berkata, perkara itu akan diumumkan CITF-C bagi membolehkan pelajar mendapat suntikan vaksinasi Covid-19 di sekolah masing-masing.

"CITF-C akan umumkan pelaksanaan #PICKids di peringkat sekolah. Pendaftaran dibuat oleh sekolah dan suntikan di sekolah dengan rakan," katanya.

Dalam hantaran sama, Khairy berkongsi angka pendaftaran membabitkan kelompok kanak-kanak yang terus mencatat peningkatan memberangsangkan.

Jelasnya, setakat kelmarin, 34,727 kanak-kanak mendaftar dan ini menjadikan jumlah keseluruhan 663,641.

Berdasarkan graf dikongsi, jumlah pendaftaran tertinggi direkod di Selangor, membabitkan 184,000 kanak-kanak diikuti Johor 103,000 dan Kuala Lumpur (70,000).

Untuk rekod, PICKids dilancar pada 3 Februari lalu dan melalui program ini, kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun menerima dua suntikan dos vaksin dengan sela masa lapan minggu selepas dos pertama.

Kanak-kanak ini menerima vaksin Cominarty oleh Pfizer-BioNTech dengan satu pertiga daripada dos digunakan dalam dos dewasa.



SUASANA lengang ketika pemberian dos penggalak di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Axiata Arena Bukit Jalil yang kurang mendapat sambutan orang ramai, semalam. - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH

# Peranan penting orang muda

### *Pakar saran ambil tanggungjawab sebagai ejen sebar maklumat tepat vaksinasi dos penggalak*

**Kuala Lumpur**

Golongan muda perlu menjadi ejen penyampai maklumat tepat berhubung dos penggalak Covid-19 kepada ibu bapa atau masyarakat sekeliling agar mereka berasa lebih yakin untuk menerima suntikan itu tatkala negara berdepan gelombang jangkitan varian Omicron.

Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi dan Biostatistik) Universiti Putra Malaysia Prof Dr Malina Osman berkata, langkah itu perlu dilakukan berikutan terlalu banyak maklumat tidak tepat mengenai kesan pengambilan dos penggalak sehingga menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat.

Beliau berkata, sebagai anggota keluarga, menjadi tanggungjawab anak menyampaikan maklumat benar kepada ibu bapa dengan menerangkan kebaikan mengambil dos penggalak berbanding tidak berbuat demikian.

"Kadang-kadang bukan vaksin penyebab komplikasi kesihatan, mungkin penerimanya ada penyakit lain, namun tidak buat pemeriksaan kesihatan terlebih dahulu sebelum mengambil vaksin. Jadi di sini anak perlu memainkan peranan penting terangkan perkara sepatutnya.

"Masyarakat perlu dididik untuk mendapatkan maklumat sahih daripada golongan mempunyai latar belakang perubatan, bukan dalam kalangan profesion lain," katanya.

Pada masa sama, beliau menyarankan pakar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) agar aktif bekerjasama dengan media untuk membuat hebahan secara berkesan tentang keperluan suntikan dos penggalak dalam mendepani gelombang baharu Covid-19 itu.

Sementara itu, pakar perunding perubatan dalaman dan penyakit berjangkit Hospital Pakar KPJ Ampang Puteri Dr Muhamad Yazli Yuhana berpendapat kefahaman masyarakat mengenai suntikan dos penggalak perlu bersandarkan pada kajian klinikal dan pandangan daripada pakar perubatan, sebaliknya bukannya dipengaruhi oleh sentimen atau andaian yang belum terbukti sahih.

Katanya, kerajaan tidak akan menyarankan suntikan itu jika ia memudaratkan orang ramai, justeru dalam soal kononnya dos penggalak beri kesan buruk, beliau meminta orang ramai tidak terus menerima bulat-bulat maklumat bersifat sebelah pihak itu.

"Anak-anak perlu memainkan peranan penting terangkan perkara sepatutnya"
Dr Malina



Beliau berharap orang ramai tidak ambil mudah keadaan semasa jangkitan Covid-19 diakibatkan varian Omicron biarpun jumlah pesakit dijangkiti kini lebih ramai dalam kategori satu dan dua berbanding kategori tiga, empat dan lima.

Kategori satu merujuk kepada pesakit yang tidak bergejala, kategori dua (gejala ringan), kategori tiga (jangkitan paru-paru), kategori empat (jangkitan paru-paru dan memerlukan oksigen) dan kategori lima (kritikal, organ rosak dan memerlukan ventilator).

"Masyarakat perlu faham varian Omicron muncul ketika vaksin Covid-19 sudah ada untuk memberi perlindungan awal namun tidak bermakna suntikan awal itu cukup melindungi mereka sepenuhnya terutama kepada golongan berisiko.

"Jadi jangan pentingkan diri sendiri dengan tidak mengambil vaksin atau dos penggalak, fikir juga mengenai orang lain," katanya.

# 12,473,139 dewasa terima dos penggalak

**Kuala Lumpur:** Seramai 12,473,139 individu dewasa atau 53.3 peratus daripada populasi kumpulan itu di negara ini sudah menerima dos penggalak Covid-19 setakat kelmarin.

Berdasarkan data di laman web Covidnow, sejumlah 22,930,943 individu atau 98 peratus daripada populasi sama melengkapkan dua dos vaksinasi manakala 23,206,202 individu atau 99.2 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi remaja berumur 12 hingga 17 pula, 2,792,265 atau 88.7 peratus daripada populasi kumpulan itu lengkap vaksinasi manakala 2,869,845 individu atau 91.2 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi vaksinasi harian, 119,543 dos diberi kelmarin meliputi 9,321 dos pertama, 2,188 dos kedua dan 108,034 dos penggalak menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin diberi di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 64,108,866 dos.

Sementara itu menurut portal Github Kementerian Kesihatan sembilan kematian akibat Covid-19 dilaporkan semalam dengan empat di Perak dan satu masing-masing di Kedah, Melaka, Pahang, Pulau Pinang dan Selangor. - Bernama

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 7**
**RUANGAN : COVID-19**

# Syor penerima dos tak perlu sain surat

**Kangar:** Penerima dos penggalak vaksin Covid-19 dicadangkan tidak perlu menandatangani surat yang menghalang ganti rugi sekiranya Kementerian Kesihatan (KKM) yakin tidak berlaku sebarang risiko buruk menerusi pemberian vaksin berkenaan.

Mufti Perlis Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin berkata, KKM perlu memberi bayaran pampasan sekiranya berlaku apa jua kesan buruk terhadap kesihatan penerima dos penggalak vaksin Covid-19 itu.

"Cadangan ini selepas melihat ramai yang memberitahu terdapat kesan buruk kesihatan yang mereka hadapi selepas menerima dos penggalak.

"Bahkan, ada yang mendakwa maut walhal KKM pula sering menafikan berlakunya kejadian seumpama itu," katanya dalam satu kenyataan kepada media, semalam.

Beliau berkata, bagi memastikan tidak berlaku sebarang ketidakadilan, KKM boleh membuktikan kebenaran mereka dengan memberi jaminan bayaran pampasan sekiranya berlaku kesan buruk ke atas penerima.

"Ini baru seimbang untuk membuktikan dakwaan KKM itu jujur bukan kerana ada unsur lain seperti perniagaan dan seumpamanya seperti yang dituduh.

"Jika tidak, saya lihat kemarahan rakyat dalam isu ini makin membesar dan sukar ditangkis oleh kerajaan," katanya.

# Angka Covid-19 cecah 13,944 kes

**Kuala Lumpur:** Angka jangkitan Covid-19 terus meningkat drastik apabila sebanyak 13,944 jangkitan kes baharu direkodkan semalam.

Bagaimanapun 13,871 kes atau 99.48 peratus daripada keseluruhan kes jangkitan Covid-19 dilaporkan itu adalah membabitkan pesakit kategori 1 dan 2.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, 73 kes atau 0.52 peratus daripada 13,944 kes Covid-19 dilaporkan semalam, termasuk dalam kategori 3 iaitu pesakit yang mempunyai jangkitan paru-paru, kategori 4 (ada jangkitan paru-paru dan memerlukan oksigen dan kategori 5 (kritikal, organ rosak dan memerlukan ventilator).

"Sebanyak 3,942 kes (28.27 peratus) direkodkan dalam kategori satu dan 9,929 kes atau 71.21 peratus (kategori 2).

"Sementara itu, 54 kes atau 0.39 peratus membabitkan kategori 3; 11 kes atau 0.08 peratus (kategori 4) dan lapan kes atau 0.05 peratus (kategori 5)," ciapnya di Twitter.

**99.48 peratus kes jangkitan Covid-19 membabitkan pesakit kategori 1 dan 2**

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 8**
**RUANGAN : COVID-19**

# Hanya 2 peratus belum divaksin

*Anggota bomba enggan terima vaksin akan diberikan kaunseling*

**Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad**
am@hmetro.com.my

**Melaka**

Kurang 50 daripada keseluruhan 14,500 warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di seluruh negara direkodkan masih enggan mengambil vaksin Covid-19.

Ketua Pengarah JBPM Datuk Seri Mohammad Hamdan Wahid berkata, ia kira-kira dua peratus daripada jumlah keseluruhan anggota.

Untuk rekod, 95 peratus warga JBPM sudah melengkapkan dua dos vaksin.

Beliau berkata, antara alasan anggota terbabit adalah berkaitan agama, bimbang kesan pengambilan vaksin selain ada yang dipercayai terpengaruh dengan gerakan anti vaksin.

Antara langkah diambil ialah memberi kaunseling dan penerangan kepada anggota terbabit mengenai kesukaran yang bakal dihadapi jika tidak mengambil vaksin Covid-19.

"Kita pergi dari negeri ke negeri yang pengarah JBPM akan beri kaunseling, penerangan dan kepayahan yang setiap anggota akan hadapi jika tidak mengambil vaksin.

"Sebab di balai ini, mereka bekerja sebagai satu pasukan. Dia masuk dalam jentera enam orang, tidak boleh asing-asingkan diri.

"Di dalam balai pun ada (aplikasi) MySejahtera, jika MySejahtera individu itu berwarna lain daripada yang ditetapkan, mungkin dia tidak boleh masuk ke balai. Ini contoh kesukaran yang akan anggota hadapi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas perasmian Ibu Pejabat JBPM Melaka di Bukit Katil dekat sini, semalam.

Majlis disempurnakan Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Mohd Ali Mohd Rustam.

Hadir sama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Reezal Merican dan Naina Merican serta Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Mohammad Hamdan berkata, sesi kaunseling dijalankan pihaknya memberi kesan positif apabila ada anggota yang mengubah fikiran dan bersetuju mengambil vaksin.

"Namun saya tidak nafikan ada sebahagian yang masih lagi dalam proses kaunseling.

"Selepas kaunseling pertama, kedua dan ketiga, mungkin kita minta dia beri representasi mengapa tidak boleh diambil tindakan tatertib dan kita akan pertimbangkan," katanya.

> "Dia masuk dalam jentera enam orang, tidak boleh asing-asingkan diri"
> Hamdan



## Tiada penutupan operasi

**Shah Alam:** Selangor tidak akan melaksanakan penutupan operasi mana-mana sektor di negeri itu melainkan peningkatan penularan jangkitan Covid-19 parah.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari sebaliknya berkata, penguatkuasaan prosedur operasi standard (SOP) kembali dijadikan keutamaan dan dipatuhi.

"Penutupan (operasi) bukan pilihan untuk kita lakukan (terhadap) sektor kecuali (kes Covid-19) parah.

"Selepas kita berjaya menyelesaikan vaksinasi penuh pada sebahagian besar komuniti dewasa dan juga sebahagian komuniti remaja di Selangor, kita lihat individu yang ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) sangat berkurang dan jumlah kematian berbeza.

"Jika dahulu, jumlah kematian mencecah hampir 200 (sehari), pada hari ini sekitar sembilan orang sahaja," katanya selepas Majlis Penyampaian Surat Tawaran Pinjaman Boleh Ubah Dalam Negara di Dewan Jubli Perak, di sini, semalam.



TIGA beradik, Nazeef (kiri), Nazriel (tengah) dan Nurlisa mendapatkan suntikan vaksin di HSNZ, semalam. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

## Tiga beradik bangun awal teruja mahu terima vaksin

**Kuala Terengganu:** Tiga beradik dari Kampung Laut di sini yang teruja menerima suntikan vaksin Covid-19 sanggup bangun awal untuk menjadi antara penerima terawal suntikan berkenaan.

Nazeef Audric, 9; Nurlisa Maureen, 6, dan Nazriel Ariqin Kamarul Azhar, 5, bangun dan bersiap seawal jam 6 pagi walaupun mereka dijadualkan berada di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) Kuala Terengganu jam 10 pagi.

Anak pasangan Kamarul Azhar Zainun, 47, dan Nor Ruziah Ismail, 46, itu antara 20 kanak-kanak berusia antara lima hingga 11 tahun yang menjadi kumpulan pertama menerima suntikan Covid-19 sempena Majlis Pelancaran Program Imunisasi Covid-19 Kanak-kanak (PICKids) Peringkat Negeri Terengganu di Kompleks Pusat Rawatan Harian HSNZ, semalam.

Kamarul Azhar berkata, tiga anaknya begitu teruja apabila dimaklumkan mereka akan menerima vaksin hari ini (semalam).

"Semalam (kelmarin) saya bagi tahu mereka supaya bangun awal untuk terima vaksin dan mereka memang teruja serta tidak sabar.

"Sebelum ini, anak pertama dan anak kedua masing-masing berusia 19 dan 15 tahun sudah menerima suntikan vaksin dan hari ini (semalam) giliran tiga lagi anak pula.

"Sebenarnya, anak keempat dan kelima ada sejarah asma dan sebagai ibu bapa, kami berasa lebih selamat jika semuanya menerima suntikan ini," katanya.

Kamarul Azhar berkata, dia mendaftarkan nama tiga anaknya menerusi aplikasi MySejahtera dua hari lalu sebelum dimaklumkan mereka akan menerima suntikan semalam.

"Saya memang mahu anak disuntik vaksin sebagai ikhtiar membendung jangkitan Covid-19 yang masih berada dalam komuniti kita," katanya.

**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NEGARA**



**PETUGAS kesihatan memeriksa orang ramai yang hadir di Pusat Penilaian Covid-19 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka, Ayer Keroh kelmarin.** – RASUL AZLI SAMAD

# Kes harian naik kepada 13,944

**PUTRAJAYA** – Jangkitan harian Covid-19 terus melonjak melepasi angka 13,000 dengan sebanyak 13,944 kes dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif kini sebanyak 2,939,198 kes.

Berdasarkan perbandingan sepanjang tempoh seminggu ini sejak Ahad lalu, jangkitan mula melepasi 10,000 dengan 10,089 kes dilaporkan, sekali gus mencatatkan kes harian tertinggi negara pada hari tersebut sejak 2 Oktober tahun lalu.

Kelmarin pula, kes terus meningkat kepada 11,034 kes, malah dijangka bertambah setiap hari sehingga boleh mencecah 22,000 kes pada akhir Mac ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes yang dilaporkan semalam, 73 kes atau 0.52 peratus melibatkan kategori tiga, empat dan lima serta 13,871 kes atau 99.48 peratus kategori satu dan dua.

"Mengikut kategori pula, pesakit bagi kategori satu mencatatkan 3,942 kes atau 28.27 peratus, manakala untuk kategori dua (9,929 kes) atau 71.21 peratus.

"Kategori tiga (jangkitan paru-paru) 54 kes atau 0.39 peratus, kategori empat (jangkitan paru-paru dan memerlukan oksigen) 11 kes atau 0.08 peratus serta kategori lima (kritikal, organ rosak dan memerlukan ventilator) dengan lapan kes atau 0.05 peratus," katanya pada ciapan Twitter.

Dalam pada itu, kemasukan kes ke hospital di Malaysia mencatatkan peningkatan sebanyak 16 peratus dalam tempoh tujuh hari dengan kadar penggunaan katil 67 peratus serta purata diwadkan 1,080 kes.

Berdasarkan data pada laman web *CovidNow*, Putrajaya mencatatkan peningkatan kemasukan ke hospital sebanyak 200 peratus, diikuti oleh Terengganu (112 peratus), Perak (58 peratus), Sabah (58 peratus), Pahang (52 peratus) dan Perlis (50 peratus).

Selebihnya, Pulau Pinang (44 peratus), Melaka (24 peratus), Kedah (19 peratus), Johor (13 peratus), Selangor (sembilan peratus), Kelantan (empat peratus) dan Negeri Sembilan (tiga peratus).

# SOP cek suhu, buku *check in* dimansuh mulai 11 Februari

**KUALA LUMPUR** – Prosedur operasi standard (SOP) berkaitan pemeriksaan suhu badan dan buku rekod *check in* daftar masuk akan dimansuhkan bermula 11 Februari ini.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, dengan pemansuhan itu, pihak pemilik premis tidak lagi diwajibkan untuk menyediakan alat pengimbas suhu dan buku rekod di pintu-pintu masuk premis.

Bagaimanapun katanya, daftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera masih diwajibkan seperti biasa.

"Langkah ini mengambil kira pandangan Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Kuartet Menteri di Wisma Pertahanan di sini semalam.

Mengulas SOP umrah pula, Hishammuddin memaklumkan, kerajaan sedia maklum bahawa kebenaran untuk rakyat pergi ke Tanah Suci bagi mengerjakan umrah yang ditangguhkan sebelum ini telah dibenarkan semula.

"Melalui Mesyuarat Kuartet hari ini (semalam), saya ingin memaklumkan kerajaan telah menetapkan SOP baharu bagi aktiviti Umrah.

"SOP baharu ini dikuatkuasakan bermula 14 Februari ini antaranya ejen pelancongan perlu memantau kepatuhan jemaah semasa di Tanah Suci, perjalanan balik ke Malaysia.

"Mewajibkan dos penggalak, membenarkan menjalani kuarantin wajib di tempat kediaman tanpa memohon kelulusan pihak berkuasa,"ujarnya.



**PEMANSUHAN SOP pemeriksaan suhu di premis dilaksanakan dengan mengambil kira pandangan KKM.** – GAMBAR HIASAN

**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 5**
**RUANGAN : NEGARA**

Penerima Sinovac mahu elak sijil vaksin tukar putih

# 'Takut, tetapi tetap akan cucuk *booster*'

**Oleh MOHD. AZLI ADLAN, ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN, SYALMIZI HAMID dan NORLIDA AKMAR IDROS**

**PETALING JAYA** – Penerima vaksin Sinovac yang masih ragu-ragu untuk mengambil suntikan dos penggalak kini serba salah selepas kerajaan memutuskan sijil vaksinasi mereka akan bertukar putih jika tidak mendapat dos ketiga itu sebelum 1 Mac ini.

Kebanyakan mereka sebelum ini bimbang dan takut dengan kesan sampingan daripada pengambilan suntikan dos penggalak itu terhadap kesihatan.

Bagaimanapun, sebahagian mereka kini akur dengan ketetapan baharu kerajaan itu.

Di **Kuala Terengganu**, Terengganu, biarpun berat hati, seorang kakitangan kerajaan yang mahu dikenali sebagai Iza, 41, akur untuk menerima dos penggalak.

Katanya, kebimbangan terhadap kesan sampingan dos penggalak jenis Pfizer menjadi punca dia melengahkan pengambilan suntikan sebelum ini.

"Saya bukannya antivaksin, malah sebelum ini saya secara sukarela melengkapkan dua dos vaksin Covid-19 seawal April tahun lalu lagi.

"Begitupun, pengalaman beberapa kenalan yang menerima Sinovac sebelum ini, mereka mengalami kesan sampingan setelah mengambil dos penggalak daripada jenis Pfizer" katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Iza mendakwa, dia seboleh-bolehnya mahu mendapatkan dos penggalak daripada jenis Sinovac yang sukar didapati di Terengganu.

"Begitupun, jika dos penggalak Sinovac masih belum ditawarkan sehingga hujung bulan ini, saya terpaksa akur untuk mengambil Pfizer," ujarnya.

Di **Temerloh**, Pahang, seorang penerima dua dos suntikan vaksin Sinovac, Salehudin Mat Rasad, 62, berkata, dia kini mengambil sikap tunggu dan lihat sebelum membuat keputusan untuk mengambil suntikan ketiga itu.



**GOLONGAN berusia 60 tahun dan ke atas atau penerima dos lengkap Sinovac berusia 18 tahun ke atas perlu mengambil dos penggalak bagi mengekalkan status vaksinasi lengkap.** – GAMBAR HIASAN

"Saya sebenarnya serba salah kerana keadaan kesihatan tidak berapa baik dan saya juga masih mengalami kesan jangka panjang akibat dijangkiti Covid-19 apabila tidak boleh terlalu aktif kerana cepat penat," katanya.

Lee Pui Chan, 41, pula berkata, dalam usaha memenuhi keperluan semasa khususnya untuk bekerja, dia akan mengambil dos penggalak daripada jenis yang sama iaitu Sinovac.

"Saya ada memaklumkan kepada pusat pemberian vaksin di Bentong yang saya tidak mahu dos penggalak jenis Pfizer kerana tidak mahu bercampur vaksin dan mereka menyatakan akan memaklumkan apabila terdapat stok vaksin berkenaan," ujarnya.

Di **George Town**, Pulau Pinang, penerima vaksin Sinovac yang mahu dikenali sebagai, Nurharasha, 42, berkata, dia akan mendapatkan dos penggalak sebelum Mac ini kerana telah terlepas menghadiri janji temu.

"Ketika menerima janji temu, saya sedang bercuti panjang berikutan ada masalah kesihatan yang turut menjejaskan pergerakan.

"Saya akan cuba mendapatkan dos itu dalam tempoh seperti yang disyaratkan oleh menteri.

"Mula-mula risau juga kesan sampingannya, sebab saya sendiri ada masalah kesihatan, tetapi insya-Allah akan ambil untuk perlindungan diri dan kembali bekerja," kata pekerja swasta itu.

Sementara itu, warga emas, Haminah Hussin, 61, berkata, dia akan mempertimbangkan untuk mendapatkan dos penggalak selepas ini.

"Saya memang takut mengambil dos penggalak selepas dimomokkan oleh banyak pihak tentang kesan sampingannya," katanya.

Di **Alor Setar**, Kedah, seorang penjawat awam yang mahu dikenali sebagai Faizal, berkata, dia berasa ragu-ragu untuk mengambil vaksin jenis lain kerana bimbang memberi kesan terhadap kesihatannya.

"Saya bersedia ambil suntikan penggalak, tetapi mahu jenis Sinovac juga kerana lebih yakin. Saya akur dengan arahan kerajaan bagi mengekalkan status vaksinasi lengkap, bagi memudahkan pelbagai urusan harian," ujarnya.

*Kosmo!* semalam melaporkan, sijil vaksinasi individu berusia 60 tahun ke atas serta individu yang lengkap dos Sinovac akan bertukar 'putih' jika tidak mendapatkan dos penggalak sebelum 1 Mac ini.

Sehingga kini, terdapat lebih kurang 32 peratus atau 1 juta warga emas masih belum mengambil dos penggalak.



**Sijil vaksin 1 juta warga emas bakal jadi 'putih'**

**KERATAN** ***Kosmo!*** **semalam.**

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 3**
**RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT**

# Kes baharu hampir 14,000

Kali terakhir Malaysia mencatatkan kes melepasi 13,000 adalah pada 26 September lepas

**KUALA LUMPUR**

Malaysia merekodkan kes baharu covid-19 melebihi paras 10,000 untuk tiga hari berturut-turut apabila 13,944 kes dilaporkan setakat 12 tengah berbanding 11,034 kes pada Isnin, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata jumlah itu menjadikan kumulatif kes Covid-19 kini 2,939,198 kes. Kali terakhir Malaysia mencatatkan kes melepasi 13,000 adalah pada 26 September lepas (13,104).

Menerusi laman sosial Twitter rasminya Dr Noor Hisham berkata, 99.48 peratus atau 13,871 kes baharu hari ini adalah dalam Kategori Satu dan Dua manakala 73 kes lagi atau 0.52 peratus berada dalam Kategori Tiga, Empat dan Lima.

Beliau berkata Kategori Satu mencatat sebanyak 3,942 kes atau 28.27 peratus; Kategori Dua (9,929 kes atau 71.21 peratus); Kategori Tiga (54 kes atau 0.39 peratus); Kategori Empat (11 kes atau 0.08 peratus) dan Kategori Lima (lapan kes atau 0.05 peratus).




Terdahulu, menerusi laman sosial Twitter rasminya Dr Noor Hisham berkata kadar kebolehjangkitan (Rt) negara mencatatkan 1.32 berbanding 1.27 pada Isnin dengan Sabah dan Perlis merekodkan nilai Rt tertinggi iaitu 1.54 diikuti Sarawak 1.48 dan Terengganu 1.36.

Pada masa beliau berkata, vaksinasi dan dos penggalak telah banyak membantu mengurangkan kes-kes kemasukan ke hospital, Unit Rawatan Rapi (ICU) dan kematian ketika gelombang Omicron melanda negara ketika ini.

Beliau berkata, bagaimanapun keadaan ini berbeza ketika negara dilanda gelombang Delta sebelum ini apabila kes harian mencecah lebih 10,000, dan indikator utama covid-19 juga tinggi.

"Ketika itu masih ramai belum menerima vaksin Covid-19. Berlainan pula apabila gelombang Omicron melanda negara ketika ini," katanya.

